

03/08/1999

Parti lawan gagal tiru kejayaan BN

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros; Jalal Ali Rahim
IPOH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pakatan pembangkang tidak mampu meniru kejayaan permuafakatan Barisan Nasional (BN) kerana pakatan itu tidak mempunyai persamaan.

Perdana Menteri berkata, Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) tidak mungkin bersatu kerana masing-masing memperjuangkan matlamat yang berbeza.

Menurutnya, pakatan itu juga tidak akan membawa faedah kerana pemimpinnya hanya mahu memastikan kemenangan dalam pilihan raya umum dan tidak mempunyai rancangan jangka panjang, termasuk membangunkan negara selepas memenangi pilihan raya.

Sebaliknya, katanya, BN yang dibentuk atas dasar bantu membantu mampu mendapat sokongan padu dari rakyat pelbagai kaum melalui kemenangan besar dalam pilihan raya.

"Ini menunjukkan betapa baik dan berjaya pakatan politik BN. Kita tolong dan kita ditolong...dengan itu kita dapat kemenangan yang besar. Demikianlah berjayanya sistem BN sehingga kita dapati parti lawan pun nak tiru, parti lawan pun dah ada pakatan.

"Sebab tu baru ni dia adakan pakatan dengan DAP, Pas, Keadilan dan PRM. Dan dia juga cuba kononnya nak dapat sokongan seperti calon BN tetapi mereka tidak mungkin (berjaya) kerana tidak ada persamaan matlamat dan sasaran pakatan itu," katanya di majlis perjumpaan dengan pemimpin BN di sini, hari ini.

Menurutnya, BN walaupun dibentuk melalui gabungan 14 parti komponen tetapi tidak pernah bertanding atas dasar satu parti, sebaliknya atas dasar BN dengan menentukan calon dari pelbagai latar kaum dan kawasan calon yang bertanding.

Berikutan itu, Perdana Menteri meminta rakyat tidak tertipu dengan helah pakatan parti pembangkang, sebaliknya pendekatan BN dibuat melalui penggabungan pelbagai parti untuk berjaya dalam pilihan raya melalui sokongan padu rakyat pelbagai kaum.

"Kita pilih calon BN, kita tidak kira parti itu, kaum itu atau suku kaum itu. Yang kita kira sama ada BN atau tidak. Bila diambil jadi calon maka dia calon BN dan kita tolong menolong," katanya.

Perdana Menteri berkata, sikap tolong menolong dalam BN terbukti apabila undi Cina dan India menjadi faktor penting BN memenangi pilihan raya di kawasan majoriti pengundi Melayu.

Menurutnya, pertolongan kedua-dua kaum itu perlu kerana undi Melayu biasanya terbahagi kepada sekurang-kurangnya 50/50.

Katanya, keadaan yang sama berlaku bagi kawasan majoriti pengundi Cina dan India yang memerlukan bantuan undi Melayu.

Beliau berkata, melalui BN juga kerajaan membawa semua kaum dalam satu pertubuhan berunding masalah yang dihadapi dan memajukan negara, termasuk mengurangkan jurang ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata beliau juga yakin rusuhan kaum tidak akan berulang di negara ini, terutama di Kuala Lumpur kerana pendekatan yang dilaksanakan BN itu serta sikap rakyat yang sensitif terhadap perasaan antara kaum.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, kejayaan pemulihan ekonomi Malaysia melalui kawalan mata wang adalah pendekatan ciptaan tulen negara ini tanpa dipengaruhi atau mendapat nasihat mana-mana pakar asing.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan ahli ekonomi, Paul Krugman yang

mendakwa menasihati Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan kawalan itu.

Katanya, kerajaan sendiri mengambil masa enam bulan membahaskan kawalan mata wang berkenaan bagi memastikan pelaksanaannya tidak memberi kesan buruk kepada ekonomi negara.

(END)